

# Cuti hujung minggu seragam belum boleh dilaksanakan

**JOHOR BARU, Sabtu** — Cuti hujung minggu yang seragam di Semenanjung Malaysia, setakat ini, masih belum boleh dilaksanakan, demikian kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bila ditanya sebabnya, "Tunggulah di lain perlembuan, saya akan memperkatakannya," jawabnya selepas melawat Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di K.D. Malaya di Woodlands pagi tadi.

Kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ini membayangkan isu cuti hujung minggu yang seragam di Malaysia, terutama di Semenanjung, masih belum dapat diselesaikan, walaupun kerajaan telah berjaya meseragamkan perbezaan waktu.

Semalam, tepat jam 11.30 malam, 31 Januari 1981, pertama kali dalam sejarah Malaysia, waktu antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak, diseragamkan.

Turut meseragamkan waktunya dengan waktu Malaysia yang baru ialah Singapura, yang juga seperti Semenanjung, terpaksa mendahulukan setengah jam lebih awal dari waktu biasanya.

Empat negeri di Semenanjung — Johor, Kedah, Kelantan dan Trengganu — sekarang mengamalkan cuti hujung minggunya Jumaat. Manakala negeri-negeri lain di Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak, cuti hujung minggunya ialah Ahad.

Isu meseragamkan cuti hujung minggu di Malaysia hangat dibincangkan dalam Mesyuarat Ke-16 Jawatankuasa Kerajaan Pusat dan Negeri-negeri 1980 di Kuala Lumpur, dua tahun lalu.

Kerajaan Pusat mahu meseragamkan cuti hujung minggu di seluruh negara — sama ada pada Ahad atau Jumaat.

Ini untuk mengelakkan masalah pentad-

biran dan perniagaan yang timbul akibat perbezaan cuti hujung minggu yang berlainan.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Pusat dan Negeri-negeri gagal mencapai keputusan mengenai ma-

---

Empat negeri — Johor, Kedah, Kelantan dan Trengganu — mengamalkan cuti hujung minggunya pada hari Jumaat.

---

salah ini dan sehingga hari ini Johor, Kedah, Kelantan dan Trengganu masih mengekalkan cuti hujung minggunya pada Jumaat.

Johor, Kedah, Kelantan dan Trengganu difahamkan mengekalkan cuti hujung minggunya pada Jumaat, sementara negeri-negeri lain mahukan Ahad.